

nexnews

NEXUS ANJUR KELAS MENGAIT UNTUK KANAK-KANAK *NEXUS ORGANISES CROCHET CLASS FOR CHILDREN*

Anak-anak rakan sekerja Nexus yang sedang menjalani percutian sekolah ketika ini telah menghadiri kelas jahitan mengait pada 4 Disember anjuran NexGerai. Seramai 11 orang kanak-kanak perempuan menghabiskan waktu petang mereka dengan mempelajari kemahiran mengait sepertimana kursus yang sama diadakan untuk kakitangan Nexus sebelum ini. Aktiviti tersebut adalah sebahagian daripada program percutian hujung tahun persekolahan.

Children of Nexus associates currently spending their school holiday were treated to a crochet workshop on Friday, 4 Dec organized by NexGerai. 11 girls spent the whole Friday afternoon learning the skills of crocheting from Nexus own staff who underwent similar workshop earlier, before the girls produced their own finished works at the end of the day. The activity is part of the school holiday programmes.



Pare peserta mengait diajar kemahiran pratikal | Participants were given hands-on skills



Para peserta | The participants



PESERTA JAHITAN MENGAIT KANAK-KANAK BERMAIN DI MENG-GAME *CROCHET GIRLS PARTICIPATE IN MENG-GAME*

Kanak-kanak yang telah selesai menghadiri kelas jahitan mengait juga tidak mahu ketinggalan untuk mengambil bahagian bermain game anjuran Meng-Game dengan diawasi oleh ahli-ahli pasukan Meng-Game sendiri.

Girls who participated in the crochet class took the opportunity to participate in Meng-Game at the end of their session last Friday. On hand to guide them were Meng-Game team members.



Kanak-kanak mengambil kesempatan untuk menyertai permainan anjuran Meng Game
The girls taking the opportunity to play games organized by Meng Game

DEVCOs TERUSKAN PERJUMPAAN DENGAN PELBAGAI INDUSTRI *DEVCOs ENGAGE MORE INDUSTRY PLAYERS*



Brunei Gas Carriers (BGC)

Siri perjumpaan dengan pelbagai pemain industri diteruskan pada bulan ini dengan wakil-wakil dari ketiga-tiga DevCo membuat perundingan dengan beberapa buah syarikat bagi mencari peluang pekerjaan bagi rakan-rakan sekerja kitani. Syarikat-syarikat terbaru yang dilawati ialah Huawei Technologies Brunei, sebuah syarikat telekomunikasi China dan Brunei Gas Carriers, syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1998 bagi menghantar gas cecair asli kepada para pembeli. Sebuah lagi syarikat ialah Hengyi Industries Sdn Bhd di Pulau Muara Besar, yang menghasilkan berbagai produk petrokimia.



Huawei Technologies Brunei



Hengyi Industries Sdn Bhd

The series of engagement with different industry players continue this month with representatives from the three DevCos going out to different organisations to explore opportunities for our associates. The latest companies are Huawei Technologies Brunei, a Chinese telecommunications company and Brunei Gas Carriers, a company formed in 1998 to transport LNG to the buyers. Another company is Hengyi Industries Sdn Bhd at Pulau Muara Besar, a petrochemical producer.

TAKLIMAT KESEDARAN HSE UNTUK SEMUA RAKAN SEKERJA NEXUS HSE AWARENESS BRIEFING FOR ALL



Untuk memupuk kesedaran mengenai kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE) di kalangan kakitangan dan rakan sekerja Nexus, taklimat kesedaran telah dimulakan secara kumpulan yang akan melibatkan seluruh warga Nexus. Taklimat bulanan dikendalikan oleh pegawai HSE Nexus.

In order to inculcate the health, safety and environment (HSE) awareness among staff and associates of Nexus, a safety awareness talk is being organized on a group by group basis which will entirely involve the entire population of Nexus. The monthly talk is facilitated by our in-house HSE officer.



Ceramah HSE sedang dijalankan
HSE talk in progress



Peserta dari Nexus dan syarikat lain bersama jurulatih mereka
Participants from Nexus and other companies with their trainer

Sementara itu, 6 rakan sekerja Nexus menghadiri latihan Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (IOSH) yang menekankan pentingnya amalan dan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan lestari. Latihan selama 4 hari itu dianjurkan oleh Berjaya Aman, penyedia latihan HSE tempatan.

In order to inculcate the health, safety and environment (HSE) awareness among staff and associates of Nexus, a safety awareness talk is being organized on a group by group basis which will entirely involve the entire population of Nexus. The monthly talk is facilitated by our in-house HSE officer.

LEBIH RAMAI WANITA SERTAI SESI TARIAN KECERGASAN *MORE HEALTH-CONSCIOUS LADIES JOIN LET'S DANCE FITNESS SESSION*

Aktiviti mingguan 'Tarian Kecergasan' yang dijalankan setiap petang Jumaat telah menarik lebih ramai lagi peserta wanita untuk mengambil bahagian. Dengan memakai pakaian yang direka khas untuk aktiviti berkenaan, sesi latihan ini bermula jam 4.30 petang di kawasan lobi Nexus HQ.

The weekly Let's Dance Fitness session conducted every Friday afternoon continues to attract more participants. Sporting their specially designed attire, the ladies begin their workout session at 4.30 in the afternoon at the main lobby area of Nexus Headquarters.



Peserta wanita sebelum dan semasa sesi senaman
The ladies before and after the workout